

**MENGENAL FAKTOR PEMBELIAN TELEFON CERMAT DALAM  
KELAS PELAJAR JABATAN PERDAGANGAN,  
POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

<b>10DPM13F1051</b>	<b>ERNI NADZIRAH BINTI MOHD NASIR</b>
<b>10DPM13F1069</b>	<b>NUR RAIHAN BINTI ABD RAHIM</b>
<b>10DPM13F1075</b>	<b>NORFATIHAH BINTI KAHAR</b>
<b>10DPM13F1081</b>	<b>SITI HAJAR MAISARAH BINTI ZULKIFLI</b>
<b>10DPM13F1099</b>	<b>FATIN NATASYA BINTI HAMZAH</b>
<b>10DPM13F1111</b>	<b>KASTURI A/P NEELAMAGAN</b>

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH  
DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN**

**JABATAN PERDAGANGAN**

**POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

**DESEMBER 2016**

## PENGESAHAN LAPORAN PROJEK


Laporan projek bertajuk “**Mengkaji Faktor Pembelian Telefon Pintar Dalam Kalangan Pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Seberang Perai**” ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang telah ditetapkan.

### Disemak oleh :

Nama Penyelia :

Tandatangan Penyelia :

Tarikh :


  
31/3/2016

### Disahkan oleh :

Nama Pensyarah Kursus :


Tandatangan Pensyarah Kursus :


Tarikh :


  
27/5/2016


### PENGAKUAN


Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.


1. Tandatangan :   
 Nama : ERM NADZIRAH BT MOHD NASIR  
 No. Pen : 10DPM13F1051  
 Tarikh : 31/3/2016

2. Tandatangan :   
 Nama : NUR FARAIHAN BT ABD RAHIM  
 No. Pen : 10DPM13F1089  
 Tarikh : 31/3/2016

3. Tandatangan :   
 Nama : NORFATIMAH BT FAHAR  
 No. Pen : 10DPM13F1075  
 Tarikh : 31/3/2016

4. Tandatangan :   
 Nama : SITI HAJAR MAISARAH BT ZULKIFLI  
 No. Pen : 10DPM13F1081  
 Tarikh : 31/3/2016

5. Tandatangan :   
 Nama : FATIN NATASYA BT HAMZAH  
 No. Pen : 10DPM13F1099  
 Tarikh : 31/3/2016

6. Tandatangan :   
 Nama : KASTURI A/P NEELAMAGAN  
 No. Pen : 10DPM13F1111  
 Tarikh : 31/3/2016

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kita terhadap Allah s.w.t kerana kami sekumpulan telah pun sempurna menyelesaikan penyelidikan ini dalam tempoh yang ditetapkan. Di kesempatan ini juga kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan bersyukur terhadap Illahi dengan limpah kurnia ini kami dapat menyiapkan kajian mengenai factor pembelian telefon pintar dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Seberang Perai. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Puan Mariati binti Baharun kerana sudi menyelia kami dan memberi peluang serta tunjuk ajar kepada kami dalam menjalani penyelidikan ini. Beliau banyak membantu kami dalam memberikan cadangan dan pendapat yang bernas dalam menyelesaikan penyelidikan ini. Jutaan terima kasih juga di atas kerjasama yang diberikan oleh Puan Rohani binti Yusof kerana sudi memberikan tunjuk ajar yang amat memberangsangkan sepanjang kami menjalani penyelidikan ini. Segala tunjuk ajar yang diberikan amat dihargai dan akan dijadikan sebagai satu pengalaman serta panduan untuk digunakan pada masa hadapan.

Akhir sekali, kami mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada pihak-pihak yang terlibat di atas sumbangan yang diberikan, iaitu pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Seberang Perai serta semua yang turut membantu, memberi tunjuk ajar, nasihat, sokongan dan dorongan yang diberikan. Tanpa tunjuk ajar daripada mereka mungkin kami tidak akan dapat menyiapkan laporan ini dengan sebaiknya. Sekian, Wasalam.

## ABSTRAK

Perkembangan terkini dalam teknologi mudah alih telah menghasilkan jenis peranti baru iaitu telefon pintar. Telefon pintar adalah telefon mudah alih yang menawarkan keupayaan yang berbeza dengan telefon bimbit biasa dimana fungsinya lebih kurang sama seperti komputer. Ciri-ciri teknologi dan peranti sosial menjadikannya alat yang berguna dalam sains sosial, khususnya sosiologi, psikologi sosial, kajian Bandar dan kajian media. Peranti ini boleh diprogramkan untuk berinteraksi dengan pengguna yang lain dan boleh berkomunikasi dengan jarak jauh contohnya aplikasi Whatsapp, Wechat, Facebook dan lain-lain. Selain itu, pengguna telefon pintar kini bukan sahaja orang dewasa malahan remaja dan kanak-kanak dari pelbagai umur dan bangsa. Telah menjadi satu keperluan lebih-lebih lagi kepada mahasiswa untuk memiliki telefon pintar walaupun harganya tinggi sehingga ada yang sanggup menggunakan wang pinjaman PTPTN untuk membelinya. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pembelian telefon pintar dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan di Politeknik Seberang Perai. Dalam kajian ini, faktor kecenderungan pembelian diukur dari 3 faktor penting, iaitu trend semasa, keperluan dan "ubiquity". Bagi mencapai objektif kajian, maklumbalas dikumpul dari responden berkaitan faktor utama kecenderungan pembelian dalam kalangan pelajar. Sebanyak 100 orang responden telah dipilih secara rawak dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan di Politeknik Seberang Perai dan kaedah tinjauan digunakan dengan mengedarkan boring soal selidik kepada responden terpilih. Hasil dapatan kajian ini diproses menggunakan sistem SPSS (Statistical Package for Social Science). Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor "ubiquity" menjadi keperluan utama dalam pemilihan factor pembelian telefon pintar dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Seberang Perai, diikuti oleh factor keperluan dan akhir sekali faktor trend.

## ABSTRACT

The latest developments in mobile technology has produced a new type of smartphone devices. Smartphones are mobile phones that offer different capabilities with ordinary mobile phones in which the same function more or less the same as the computer. Features of technology and social tools make it a useful tool in social sciences, especially sociology, social psychology, urban studies and media studies. The device can be programmed to interact with other users and can communicate with remote applications such as WhatsApp, Wechat, Facebook and others. In addition, smartphone users now not only adults but also teenagers and children of various ages and races. Has become a necessity to the students to have a smart phone though its price is so high that some are willing to use the money PTPTN to buy it. This research was conducted to investigate the factors that affect the likelihood of purchasing smart phones among students of the Department of Commerce in Polytechnic. In this study, the trend of an acquisition is measured from three important factors, namely the current trends, needs and ubiquity. To achieve its objectives, the feedback gathered from respondents regarding the major factor in purchasing trends among students. A total of 100 respondents were randomly selected among the students of the Department of Commerce in the Polytechnic and the survey method used to distribute the questionnaire to selected respondents. The findings of this study were processed using the SPSS system (Statistical Package for Social Science). The findings indicate that ubiquity factors is the major factor the purchase of smart phone among Commerce Department students, Seberang Perai Polytechnic, followed need factor and finally the trend factor.

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Halaman</b>
<b>PENGESAHAN LAPORAN PROJEK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>x</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Latar Belakang Masalah	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Skop Penyelidikan	6
1.6 Kepentingan Kajian	
1.6.1 Kepentingan Kepada Penjual Telefon Pintar	6
1.6.2 Kepentingan Kepada Pelajar	7
1.6.3 Kepentingan Kepada Pembeli	7
1.6.4 Kepentingan Kepada Penyelidik Akan Datang	8
1.7 Defini Operasi	
1.7.1 Pelajar	8
1.7.2 Trend	9
1.7.3 Keperluan	9
1.7.4 Ubiquity	10

1.8	Limitasi Kajian	
	1.8.1 Masa	11
	1.8.2 Data/Maklumat	11

## **BAB 2 SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	12
2.2	Faktor Trend	13
2.3	Faktor Keperluan	15
2.4	Faktor Ubiquity	17

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	19
3.2	Rekabentuk Kajian	20
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	
	3.3.1 Data Primer	20
	3.3.2 Data Sekunder	21
3.4	Populasi Dan Sampling	21
3.5	Instrumen Kajian	22
	3.5.1 Bahagian A	22
	3.5.2 Bahagian B	23
3.6	Kaedah Analisa Data	24

## **BAB 4 ANALISA KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	25
4.2	Analisis Kebolehpercayaan Data	26

4.3	Bahagian A : Dapatan Kajian Demografi	27
	4.3.1 Jantina Responden	27
	4.3.2 Umur Responden	28
	4.3.3 Bangsa Responden	29
	4.3.4 Semester Responden	30
	4.3.5 Jenis Telefon Pintar Responden	31
4.4	Bahagian B	32
<b>BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>		
5.1	Pengenalan	40
5.2	Perbincangan	41
	5.2.1 Faktor Trend	42
	5.2.2 Faktor Keperluan	43
	5.2.3 Faktor Ubiquity	44
5.3	Implikasi Kajian	45
5.4	Cadangan	47
5.5	Kesimpulan	49

## SENARAI JADUAL

<b>Table No.</b>		<b>Halaman</b>
3.5	Skala Likert	23
4.1	Jadual analisis kebolehpercayaan data	26
4.2	Skala Min Skor	33
4.3	Analisis soalan berkaitan Faktor Pembelian Telefon Pintar Dalam Kalangan Jabatan Perdagangan PSP. (Faktor Trend)	34
4.4	Analisis soalan berkaitan Faktor Pembelian Telefon Pintar Dalam Kalangan Jabatan Perdagangan PSP. (FaktorKeperluan)	36
4.5	Analisis soalan berkaitan Faktor Pembelian Telefon Pintar Dalam Kalangan Jabatan Perdagangan PSP. (Faktor Ubiquity)	38

**SENARAI RAJAH**

<b>No. Rajah</b>		<b>Halaman</b>
4.3.1	Taburan responden mengikut jantina	27
4.3.2	Taburan responden mengikut umur	28
4.3.3	Taburan responden mengikut bangsa	29
4.3.4	Taburan responden mengikut semester	30
4.3.5	Taburan responden mengikut jenama telefon pintar	31

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Alexander Graham Bell merupakan individu yang bertanggungjawab mencipta alat telekomunikasi yang dinamakan sebagai telefon. Seiring dengan dunia yang pesat berkembang ini, telefon kini lebih mudah dibawa ke mana-mana. Rekaannya juga semakin menarik perhatian ramai umumnya dalam kalangan pelajar yang sentiasa mengejar kelainan.

Menurut Zahir Zainudin (2014), pada suatu masa dahulu telefon pintar ini hanya mampu digunakan oleh warga korporat dan ahli perniagaan yang berjaya, tetapi kini pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia juga mampu memiliki telefon pintar. Menurut beliau lagi, telefon pintar semakin sering digunakan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Telefon pintar merujuk kepada telefon yang mempunyai ciri pengkomputeran yang maju

berbanding dengan telefon biasa. Pengguna telefon pintar boleh memasang aplikasi yang mempunyai teknologi terkini di dalam telefon pintar mereka berasaskan medium telefon seperti Android, Symbian, IOS, atau Windows Phone. Selain itu, telefon pintar menggunakan sistem pengendalian yang menyediakan satu medium untuk pembinaan aplikasi.

Menurut Khairul Yahaya (2013), dipetik daripada Utusan Online, mendapati 29 peratus daripada pelajar yang terlibat dalam kajian penggunaan telefon pintar, menggunakan telefon pintar untuk melayari internet, diikuti oleh tablet dan 23 peratus lagi menggunakan telefon mudah alih. Kajian ini dibuat oleh Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Cyber Security Malaysia dan DIGI Telecommunications:

Md Izwan (2014), dipetik daripada *The Malaysian Insider* menyatakan bahawa dalam kaji selidik Google hari ini, mendapati peratusan penggunaan telefon pintar dalam kalangan rakyat Malaysia adalah berkedudukan antara lima buah negara yang tertinggi di dunia iaitu pada paras 51% penggunaan telefon pintar, berbanding penggunaan komputer hanya pada paras 39%. Lebih menarik lagi, 35% pengguna Malaysia daripada kaji selidik ini menyatakan bahawa mereka secara khusus menggunakan telefon pintar sahaja untuk mengakses internet, dan ini menjadikan Malaysia sebagai negara yang pertama di dunia yang mengakses internet melalui telefon pintar secara eksklusif. Ini membuktikan bahawa purata penggunaan telefon pintar dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah tinggi.

Hal ini dikukuhkan lagi melalui kajian yang dipetik daripada laman web *Usahawan.com* (2015), di mana ramai golongan di luar sana yang mungkin tergolong dalam kategori yang cenderung untuk meletak telefon pintar mereka di atas katil apabila mereka tidur, dipetik daripada ([www.usahawan.com/lifestyle/pengaruh-smartphone-terhadapproduktiviti-pelajar.html](http://www.usahawan.com/lifestyle/pengaruh-smartphone-terhadapproduktiviti-pelajar.html)). Lebih kurang 90% individu yang berumur di antara 18-29 tahun mengatakan bahawa mereka akan tidur bersama-sama dengan telefon pintar

yang diletakkan di sisi mereka sewaktu tidur. Daripada kajian yang dilakukan, 95% daripada individu bersetuju bahawa mereka menggunakan gajet seperti telefon pintar, tablet, komputer dan televisyen sebelum mereka tidur. Daripada jumlah tersebut terdapat tiga aspek utama aktiviti yang sering dilakukan iaitu mengakses internet atau laman sosial, menghantar teks mesej, dan juga menonton televisyen. Manakala hanya 5% sahaja individu yang langsung tidak menyentuh telefon pintar dan 'tablet' mereka sebelum tidur.

Para penyelidik berpendapat bahawa peningkatan dalam pembelian telefon pintar dalam kalangan masyarakat di Malaysia adalah disebabkan pengaruh teknologi yang semakin menjadi tumpuan pada masa kini, di mana ia menjadi suatu kecenderungan kepada pelajar untuk memiliki telefon pintar itu sendiri di atas faktor trend, keperluan dan juga 'ubiquity' (boleh diakses di mana-mana).

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Menurut Azyyati Ahmad (2015), sebuah kajian yang dilakukan oleh ahli akademik di Amerika Syarikat mendapati bahawa golongan pelajar tidak mampu menggunakan telefon dan belajar dengan serentak. Pensyarah dari Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Mansor Abu Talib turut bersetuju dengan kajian tersebut dan menyatakan bahawa keadaan itu juga akan menyebabkan perhatian pelajar menjadi kurang di dalam kelas. Penggunaan telefon pintar di dalam bilik kuliah juga dianggap sebagai gangguan disebabkan kecenderungan pelajar yang memiliki telefon pintar untuk mengalihkan fokus rakan yang duduk berhampirannya dan rakan sekelas lain semasa sesi pembelajaran sedang berjalan.

Menurut Diana Surya Abd Wahab (2012), dipetik daripada Sinar Harian, isu kerajaan membenarkan pelajar membawa telefon pintar menyumbang kearah keburukan di kalangan pelajar. Sumber yang sama juga menyatakan bahawa pelajar kini lebih cenderung untuk menyalahguna penggunaan telefon pintar menyebabkan timbulnya masalah gejala sosial di samping mengganggu proses pembelajaran di dalam kelas. Selain itu, mereka juga dapat memuat turun bahan tidak sepatutnya menyebabkan timbulnya gejala buruk seperti pergaduhan mahupun kecurian bagi mereka yang memiliki telefon pintar yang canggih.

Menurut Zahir Zainudin (2014), aplikasi hiburan yang disediakan dalam gajet telefon pintar ini boleh mendatangkan impak yang negatif sekiranya pelajar terlalu taksu. Hal ini boleh dilihat apabila pelajar sering mengabaikan pelajaran dan kurang mengulang kaji pelajaran mereka kerana terlalu fokus kepada alat teknologi ini. Sebagai contoh, mereka lebih memilih untuk melayari laman sesawang pada setiap masa seperti facebook, twitter, instagram, dan keek daripada melakukan perkara yang lebih berfaedah.

Meskipun terdapat pelbagai sumber yang mengatakan bahawa penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar memberi impak negatif kepada pelajaran dan pelajar itu sendiri, namun, penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar dan masyarakat Malaysia masih mencapai peratusan yang tinggi. Ini dibuktikan melalui artikel daripada Md Izwan (2014), dipetik daripada The Malaysian Insider, yang menyatakan bahawa dalam kaji selidik Google hari ini, mendapati bahawa peratusan penggunaan telefon pintar dalam kalangan rakyat Malaysia adalah berkedudukan antara lima buah negara yang tertinggi di dunia iaitu pada paras 51% penggunaan telefon pintar. Sumber yang sama juga menyatakan peratusan penggunaan telefon pintar dalam kalangan remaja dan pelajar di Malaysia adalah pada paras tinggi iaitu sebanyak 73%. Pernyataan ini telah menarik perhatian dan minat para penyelidik untuk membuat kajian secara lebih terperinci dan mendalam tentang faktor pembelian dan penggunaan telefon pintar dalam

kalangan pelajar itu sendiri tetapi di dalam skop yang lebih kecil iaitu pelajar Jabatan Perdagangan di Politeknik Seberang Perai.

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti samada faktor trend menjadi faktor pembelian telefon pintar dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan di PSP.
2. Mengenalpasti samada faktor keperluan menjadi faktor pembelian telefon pintar dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan di PSP.
3. Mengenalpasti samada faktor 'Ubiquity' menjadi faktor pembelian telefon pintar dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan di PSP.

### 1.4 SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif, persoalan yang akan dikaji adalah seperti berikut:

- 1- Adakah faktor trend menjadi faktor pembelian telefon pintar dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan di PSP?
- 2- Adakah faktor keperluan menjadi faktor pembelian telefon pintar dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan di PSP?
- 3- Adakah faktor 'Ubiquity' menjadi faktor pembelian telefon pintar dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan di PSP?

## 1.5 SKOP PENYELIDIKAN

Kajian yang dijalankan adalah mengenai faktor yang mempengaruhi kecenderungan pembelian telefon pintar dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Seberang Perai. Terdapat tiga faktor di dalam kajian ini iaitu faktor trend, keperluan dan 'ubiquity'. Di dalam skop penyelidikan ini, seramai 100 orang responden yang terdiri daripada pelajar Jabatan Perdagangan di Politeknik Seberang Perai akan dipilih untuk diberikan sampel kajian.

Kaedah pengumpulan data yang sesuai digunakan dalam kajian ini ialah kaedah soal selidik. Kaedah soal selidik ini lebih sesuai kerana responden kajian ini tertumpu kepada pelajar Jabatan Perdagangan di Politeknik Seberang Perai.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

### 1.6.1 Kepentingan kepada penjual telefon pintar

Melalui kajian yang kami jalankan, berkemungkinan dapat membantu penjual-penjual telefon pintar terhadap permintaan yang mereka mahukan. Apabila penjual telefon pintar dapat mengenalpasti kemahuan pelanggan, ini dapat memudahkan penjual untuk menjual telefon pintar dengan modifikasi fungsi yang pelbagai dan

memberi manfaat kepada pengguna. Seterusnya, dapat memenuhi citarasa orang ramai serta memberi pendapatan kepada penjual telefon pintar.

### **1.6.2 Kepentingan kepada pelajar**

Matlamat utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti faktor pembelian telefon pintar dalam kalangan pelajar dari segi trend, keperluan dan 'ubiquity'. Kajian ini berkaitan dengan para pelajar di Jabatan Perdagangan di PSP, dengan ini ia juga dapat memberi penjelasan terhadap sebab-sebab penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan di PSP. Dengan adanya kajian ini, secara langsung dapat memberi pengetahuan terhadap permintaan pengguna telefon pintar disamping mengenalpasti kebaikan dan keburukan daripada pembelian telefon pintar.

### **1.6.3 Kepentingan kepada pembeli**

Melalui dapatan kajian yang diperolehi, pelanggan dapat mengetahui spesifikasi telefon pintar yang mereka mahukan. Pelanggan juga dapat mengenalpasti maklumat terkini mengenai telefon pintar daripada penjual. Selain itu, pelanggan juga boleh memperoleh segala maklumat telefon pintar melalui iklan di televisyen, majalah dan surat khabar.

#### **1.6.4 Kepentingan kepada penyelidik masa hadapan**

Selain itu, kajian ini juga dapat memberi kelebihan kepada penyelidik masa hadapan untuk dijadikan sebagai sumber rujukan mereka dalam menjalankan kajian berkaitan faktor pembelian telefon pintar dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan di PSP. Penyelidik juga dapat mengenalpasti kebaikan dan keburukan penggunaan telefon pintar berdasarkan kajian ini. Secara tidak langsung, ia turut memberi sumbangan dalam sektor penjualan telefon pintar sebagai panduan untuk menghasilkan telefon pintar yang memiliki fungsi yang lebih baik kepada orang ramai.

### **1.7 DEFINISI OPERASI**

#### **1.7.1 Pelajar**

Merujuk kepada Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (2000), pelajar adalah maha siswa. Manakala menurut Hasnah Muhammad (2011) dipetik daripada buku Panduan Akademik Politeknik Seberang Perai, pelajar adalah seseorang individu yang sedang menuntut atau masih lagi mendapatkan pengajian di mana-mana institut pengajian.

Menurut Nasution (2014) dipetik daripada Duniapelajar.com, pelajar merupakan individu yang mengumpulkan dan menambah sejumlah ilmu dan pengetahuan.

Dalam konteks kajian pelajar merujuk kepada individu yang menuntut pengajian dalam Jabatan Perdagangan di Politeknik Seberang Perai.

### **1.7.2 Trend**

Menurut Kamus Dewan Edisi Ke-4 (2008-2016), trend ialah sumber ikutan atau model yang jelas tentang sesuatu; kedudukan dunia media hari ini mempunyai empat trend utama sebagai yang universal.

Menurut Laras Arom (2014), trend menggambarkan beberapa nilai yang diamalkan oleh seseorang dalam masyarakat sekitar. Ianya juga boleh didefinisikan sebagai suatu perubahan budaya bagi setiap orang mengikut peredaran masa.

Dalam konteks kajian ini, trend adalah keadaan di mana suatu hal sedang digemari atau sedang menjadi perhatian kebanyakan orang. Perkara yang sedang digemari dan menjadi perhatian kebanyakan orang dalam kajian ini merujuk kepada pembelian telefon pintar.

### **1.7.3 Keperluan**

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2003), keperluan merujuk kepada apa-apa yang diperlukan atau apa sahaja yang berguna atau penting. Dalam pemasaran, keperluan merujuk kepada sesuatu kenyataan tentang sesuatu yang amat

diperlukan oleh seseorang individu. Ianya terhasil secara semulajadi di dalam setiap diri manusia.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), keperluan adalah sesuatu yang diperlukan (dikehendaki), sesuatu yang berguna, dan juga kepentingan seseorang. Keperluan juga bermaksud hajat, kehendak atau tujuan untuk mencapai sesuatu benda.

Menurut Abraham Maslow (1908-1970), beliau telah membentuk sebuah hirarki dari lima tahap keperluan asas. Teori hirarki keperluan asas manusia yang dikemukakan beliau boleh dikembangkan untuk menjelaskan keperluan asas manusia seperti keperluan Psikologi, keperluan keamanan dan keperluan kasih sayang.

Dalam konteks kajian ini keperluan merupakan kepentingan asas yang diperlukan oleh setiap manusia dalam kehidupan. Keperluan ini merujuk kepada pemilikan telefon pintar bagi setiap pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Seberang Perai.

#### 1.7.4 Ubiquity

Menurut Online Etymology Dictionary (1837), Ubiquity berasal daripada pekataan Latin 'ubiquitos' yang bermaksud di mana-mana. Manakala menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, 'ubiquity' adalah sentiasa ada.

Menurut 'Business Dictionary' (2015), 'ubiquity' adalah istilah untuk membuat sesuatu yang seolah-olah telah menjadi popular yang boleh dijumpai pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Edaran dalaman Jabatan Perdagangan (2015), 'ubiquity merujuk kepada transaksi atau aktiviti komersial yang boleh didapati pada bila-bila masa dari mana-mana di dunia.

Dalam konteks kajian ini merujuk kepada kebolehan telefon pintar yang boleh diakses dimana-mana sahaja, pada bila-bila masa tanpa sekatan tempat atau waktu.

## **1.8 LIMITASI KAJIAN**

### **1.8.1 Masa**

Sebagai seorang pelajar tempoh masa yang diberikan untuk membuat kajian adalah terhad dengan hanya dalam masa empat bulan sahaja. Dalam pada itu, tempoh masa bagi mengedarkan soalan kaji selidik juga adalah terhad iaitu hanya dalam tempoh masa seminggu.

### **1.8.2 Data/Maklumat**

Data memainkan peranan yang sangat penting. Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk membuat kajian dalam Jabatan Perdagangan di Politeknik Seberang Perai kerana data yang hendak diperolehi adalah terhad.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 PENGENALAN

Pada zaman teknologi kini, alat peranti menjadi semakin canggih dan berteknologi tinggi. Hal ini dapat dibuktikan dengan kewujudan telefon pintar yang memiliki pelbagai fungsi yang menarik perhatian pengguna untuk memilikinya dengan hanya sentuhan pada skrin telefon pintar. Bak kata pepatah 'dunia di hujung jari'. Alat peranti pada zaman kini iaitu telefon pintar memiliki ciri 'ubiquity' iaitu mudah dibawa ke mana-mana dan boleh diakses pada bila-bila masa sahaja. Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah jika terdapat ramai pengguna membeli telefon pintar kerana ciri-cirinya yang bersaiz kecil dan nipis supaya mudah dibawa ke mana-mana sahaja. Alat peranti ini juga sentiasa diinovasi serta

ditambah aplikasi agar dapat menarik minat pelanggan untuk membeli telefon pintar yang semakin memiliki fungsi yang canggih. Dalam kajian ini, terdapat aspek lain yang boleh diambil kira untuk mengkaji penggunaan telefon pintar yang hanya tertumpu kepada pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Seberang Perai (PSP). Antara aspek yang boleh diambil kira adalah seperti faktor trend, keperluan dan 'ubiquity' yang mempengaruhi faktor pembelian telefon pintar dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Seberang Perai (PSP).

## 2.2 FAKTOR TREND

Menurut Kotler (2002) yang dipetik daripada Nani Sofrianty, trend adalah polar hidup seseorang di dunia yang dinyatakan dalam aktiviti, minat, dan pendapatnya. Trend menggambarkan keseluruhan diri seseorang dalam berinteraksi dengan persekitarannya.

Menurut Siti Niftakhul Jannah Budiharjo (2012), trend adalah sekumpulan tingkah laku yang mempunyai maksud bagi individu mahupun orang lain pada suatu masa disuatu tempat, termasuk hubungan sosial, penggunaan barang, hiburan dan pakaian. Sumber yang sama menyatakan bahawa trend dapat membuatkan seseorang individu berhibur dan bersosial dengan menggunakan telefon pintar di mana dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi. Secara tidak langsung, ia dapat meningkatkan produktiviti terhadap kerja yang dilakukan.

Menurut pendapat Armstrong (2003) pula, trend seseorang dapat dilihat dari tindak-tanduk yang dilakukan oleh seseorang individu seperti kegiatan untuk

mendapatkan atau menggunakan barang-barang dan jasa, termasuklah di dalamnya proses pembuatan keputusan pada penentu kegiatan tersebut. Lebih lanjut lagi, Armstrong menyatakan bahawa terdapat dua faktor yang mempengaruhi trend seseorang iaitu faktor yang positif dan negative dalam diri individu.

Menurut Laras Arom (2014), trend merupakan gambaran bagi setiap orang yang mengenakannya dan menggambarkan seberapa besar nilai moral seseorang individu dalam masyarakat di sekitarnya. Sumber yang sama juga menyatakan bahawa trend dapat diertikan sebagai suatu seni yang dibudayakan oleh setiap orang, di mana ia sangat berkait rapat dengan perkembangan zaman dan teknologi. Tambahan pula, Laras Arum menyatakan semakin bertambahnya zaman dan semakin canggihnya teknologi, maka semakin berkembang luas penerapan trend terhadap manusia dalam kehidupan seharian. Antara teknologi yang dimaksudkan oleh Laras Arum yang menjadi trend remaja pada masa kini merujuk kepada telefon pintar di mana ia mengandungi aplikasi seperti Instagram, WhatsApp, Twitter, Facebook dan lain-lain yang menjadi suatu tarikan kepada pelajar.

Kesimpulannya, para penyelidik bersetuju bahawa trend mencerminkan individu melalui nilai-nilai yang tersendiri dan cara hidup seseorang di samping mempengaruhi kehidupan setiap individu untuk melakukan tindakan tersebut. Selain itu, pernyataan tokoh-tokoh kajian menyokong lagi faktor trend yang mempengaruhi faktor pembelian telefon pintar dalam kalangan pelajar pada masa kini.

### 2.3 FAKTOR KEPERLUAN

Menurut Rozita (2012), keperluan merupakan kepentingan asas yang diperlukan oleh setiap manusia untuk meneruskan kehidupan di mana ia terdiri daripada barang atau perkhidmatan di mana ia membolehkan manusia hidup pada tahap minimum. Menurut sumber yang sama juga, keperluan merupakan sesuatu yang wajib dan mesti dipenuhi untuk meneruskan hidup.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Shariel Shaba Bin Abd Ghafar (2014) ke atas pelajar Universiti Terbuka Malaysia (UTeM), telefon pintar menjadi keperluan pelajar di UTeM. Ini dibuktikan melalui hasil kajian yang dijalankan iaitu seramai 60% pelajar di UTeM memiliki telefon pintar sendiri manakala 80% pelajar bersetuju bahawa telefon pintar telah menjadi suatu keperluan kepada pelajar. Di samping itu,  $\frac{3}{4}$  pelajar bersetuju bahawa telefon pintar banyak membantu dalam pengajian akademik mereka manakala 90% lagi pelajar bersetuju telefon pintar dapat membantu dalam menyelesaikan kerja khusus.

Menurut Mereer (2006), fungsi telefon dahulu tertumpu kepada kerja, keperluan dalam bidang perniagaan sahaja. Namun begitu, menurut Illa Husna (2014), kini golongan muda menyatakan bahawa telefon pintar merupakan obsesi terbesar. Sumber yang sama juga menyatakan kecenderungan seseorang remaja itu untuk memiliki telefon pintar adalah lebih tinggi daripada ibu bapanya.

Menurut wartawan Sinar Harian (2013), Ericsson menjalankan kajian terbaru mendapati penggunaan telefon pintar di Malaysia kini dilihat menjadi medium yang

berharga sebagai alat perhubungan dan perniagaan. Kajian yang telah dilakukan oleh Ericsson Consumerlab di beberapa buah negara di Asia Tenggara dan Oceania mendapati, pengguna di Malaysia yang menggunakan internet melalui telefon pintar telah meningkat daripada 47 peratus pada 2012 kepada 63 peratus pada 2013.

Seterusnya, Tan Qiuxing (2013) menyatakan telefon pintar telah menjadi barang keperluan pada masa kini. Sumber yang sama menyatakan murid sekolah rendah dan menengah sehingga pelajar universiti memiliki telefon pintar masing-masing sedangkan pada masa dahulu kanak-kanak hanya bermain permainan tradisional seperti batu seremban, baling selipar, gasing dan lain-lain.

Hafiz Amri (2014), menyatakan telefon pintar kini telah menjadi satu keperluan ditambah dengan lambakan pelbagai aplikasi-aplikasi seperti WhatsApp, Wechat, Instagram, dan lain-lain yang membantu pengguna untuk berhubung dan berkongsi maklumat antara satu sama lain. Menurut sumber yang sama juga menyatakan bahawa menjadi satu kerisauan bagi bakal pengguna baru serta ibu bapa yang ingin menghadiahkan kepada anak-anak mereka sebuah telefon pintar dengan kos pembelian yang boleh mencecah ribuan ringgit walaupun ia menjadi satu keperluan pada masa kini.

Kesimpulannya, para penyelidik bersetuju bahawa faktor keperluan mempengaruhi faktor pembelian telefon pintar dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan di Politeknik Seberang Perai dan rumusan ini dikuatkan lagi daripada sokongan artikel yang dinyatakan seperti di atas.

## 2.4 FAKTOR UBIQUITY

Sinar Harian, Pengguna di Asia Tenggara menggunakan telefon pintar mereka untuk aplikasi sembang, melayari media sosial dan hiburan seperti permainan dan multimedia, dipetik daripada (<http://www.sinarharian.com.my/mobile/bisnes/malaysia-gila-telefon-pintar-1.204032>) (2013). Di dalam laporan yang sama penulis turut menyatakan bahawa Malaysia adalah antara negara yang memperlihatkan penggunaan perdagangan mudah alih untuk membeli barangan atau membuat bayaran. Pernyataan ini jelas membuktikan bahawa telefon pintar dapat digunakan di mana-mana sahaja untuk apa-apa sahaja kegunaan kerana telefon pintar mempunyai pelbagai aplikasi yang bersifat “ubiquity” di mana dapat memudahkan penggunaannya. Dalam sumber yang sama juga menyatakan Pengarah Amalan Telekomunikasi dan Teknologi Asia Tenggara Nielsen, Sagar Phadve menyatakan bahawa organisasi perniagaan dapat berhubung dengan pengguna melalui platform peranti mudah alih ini. Telefon pintar bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada orang awam, bahkan ia juga diguna pakai oleh organisasi perniagaan untuk mendekati pelanggan. Hal ini demikian jelas menunjukkan telefon pintar atau peranti mudah alih lain juga berfungsi sebagai faktor “ubiquity” kepada bukan sahaja orang awam tetapi kepada organisasi perniagaan.

Kementerian Kerja Raya (KKR) akan melancarkan satu aplikasi telefon pintar untuk membolehkan masyarakat mengemukakan aduan secara atas talian mengenai masalah kerosakan jalan dan infrastruktur, dipetik daripada ([www.utusan.com.my/berita/nasional/adu-jalan-rosak-guna-8232-aplikasi-telefon-pintar-1.31695](http://www.utusan.com.my/berita/nasional/adu-jalan-rosak-guna-8232-aplikasi-telefon-pintar-1.31695)) (2014). Pada era globalisasi, hampir semua individu mempunyai telefon pintar yang bersifat “ubiquity” di mana boleh di akses di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa sahaja. Lebih-lebih lagi, kebanyakannya mempunyai akaun laman sosial seperti Twitter dan Facebook. Ini akan memudahkan masyarakat untuk menyampaikan maklumat dan berinteraksi dengan

KKR. Sumber yang sama juga menyatakan KKR mengambil serius tentang hubungan baik dengan pihak media agar manfaat dapat dinikmati bersama rakyat, di mana aplikasi telefon pintar tersebut akan memudahkan masyarakat berinteraksi dengan pihak KKR dan dapat mengemukakan aduan daripada lokasi sebenar.

Telefon pintar telah dianggap sebagai satu keperluan dalam kehidupan seharian, dipetik daripada ([www.jomria.com/2015/03/kebaikan-telefon-bimbit.html?m=1](http://www.jomria.com/2015/03/kebaikan-telefon-bimbit.html?m=1)) (2015). Telefon pintar boleh dijadikan sebagai salah satu alat komunikasi untuk menghubungi ahli keluarga yang jauh untuk bertanya khabar. Selain itu, telefon pintar juga boleh dijadikan sebagai alat yang mudah untuk melayari internet. Pada masa kini, perkhidmatan internet amat penting kepada para peniaga, pelajar IPTA dan IPTS dan juga orang awam. Dengan menggunakan telefon pintar, pengguna juga boleh melayari internet pada bila-bila masa sahaja dan di mana sahaja dan dapat memperolehi sesuatu maklumat yang diperlukan dengan cepat. Seterusnya, telefon pintar boleh dijadikan sebagai alat hiburan. Dengan adanya telefon pintar pengguna dapat mendengar lagu dan rancangan di radio.

Secara kesimpulannya, para penyelidik bersetuju bahawa faktor 'ubiquity' di dalam pembelian telefon pintar dalam kalangan pelajar amatlah berguna kerana pelajar sangat memerlukan aplikasi yang mudah dan cepat untuk mendapatkan sesuatu maklumat bagi pembelajaran dan pengetahuan umum.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENDAHULUAN

Metodologi merupakan pendekatan yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul data. Bab ini mengandungi cara-cara untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Bagi mendapatkan hasil keputusan kajian yang baik, maklumat dan fakta yang diperolehi perlulah lengkap dan bersesuaian serta mempunyai kesahihan yang tinggi dan berkesan.

Di dalam bab ini, pengkaji membincangkan hal yang berkaitan dengan prosedur metodologi yang digunakan bagi melengkapkan kajian mengikut kriteria yang dikehendaki iaitu reka bentuk kajian, populasi dan sampel, instrumen kajian, tatacara kajian serta kaedah penganalisa data. Pengkaji akan menggunakan borang soal selidik dan membuat pemerhatian untuk mendapatkan maklumat daripada responden.

## **3.2 REKA BENTUK KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan yang dijalankan ke atas pembeli iaitu pelajar Jabatan Perdagangan. Data-data yang diperolehi akan dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik yang direka untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan trend, keperluan dan 'ubiquity'.

Kajian dengan menggunakan borang soal selidik dapat memperolehi maklumat yang maksimum melalui soalan-soalan yang diagihkan kepada responden. Selain itu, kaedah ini juga memerlukan masa yang singkat untuk mengumpul maklumat daripada responden.

## **3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA**

### **3.3.1 Data Primer**

Data primer adalah maklumat yang diperolehi daripada tinjauan untuk sesuatu tujuan tertentu. Satu tinjauan dapat dikumpul melalui maklumat daripada sejumlah responden yang dipilih dan kemudiannya merumuskan jawapan-jawapan yang diterima daripada responden.